

## Peniaga kecil perlu manfaatkan bayaran tanpa tunai

OLEH DR SITI HAJAH SAJWA AHMAD MUSADIK  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian  
Perniagaan Islam  
(IBS), Universiti  
Utara Malaysia  
(UUM)

Antara fokus utama Belanjawan 2023 bertemakan "Membangun Malaysia MADANI" adalah kelangsungan perniagaan akan dilaksanakan berdasarkan tiga strategi, iaitu mempermudahkan aktiviti perniagaan, merancakkan aktiviti pelaburan dan perdagangan serta menyokong industri tumpuan.

Pembangunan penjaja kecil turut diberi perhatian yang mana kerajaan memperuntukkan RM50 juta untuk membantu naik taraf gerai dan kios penjaja kecil di kawasan tumpuan utama dalam negara.

Selain itu, kerajaan menyediakan pinjaman kewangan membantu peniaga kecil dan sederhana mengembangkan lagi perniagaan.

Nafas baharu Belanjawan 2023 yang menumpukan pembangunan penjaja kecil antara langkah bijak kerana penjaja kecil di kawasan memainkan peranan besar membantu menjenamakan nama Malaysia dalam sektor pelancongan.

Oleh yang demikian, adalah perlu menjelaskan kembali imej penjaja kecil untuk tampil lebih segar, moden, dan dipercaya.

Antara inisiatif perlu dilakukan untuk mengangkat imej penjaja kecil dan usahawan mikro ini

adalah menggalakkan mereka memanfaatkan perkhidmatan pembayaran dalam talian.

Ketika ini, ramai peniaga kecil dan sederhana tidak berminat menyediakan perkhidmatan bayaran tanpa tunai. Mentaliti ini perlu diubah.

Masyarakat perlu diberi pendedahan dengan sewajarnya mengenai kelebihan pembayaran tanpa tunai seperti menggunakan kad debit, kad kredit, e-dompet dan melalui kod QR. Secara tidak langsung akan membantu meningkatkan literasi keuangan dalam kalangan masyarakat.

Sudah tiba masa untuk kita melihat setiap gerai, kedai atau kios kecil mempamerkan label mereka menerima pembayaran tanpa tunai.

Hakikat yang mungkin kurang diketahui peniaga kecil, pembayaran tanpa tunai memudahkan mereka menyimpan pendapatan dan keuntungan daripada jualan.

Peniaga juga mudah memeriksa transaksi kewangan perniagaan, menilai corak keuntungan dan kerugian berdasarkan rekod transaksi pembayaran secara maya.

### Tambah kadar ceklik teknologi

Peniaga menggunakan aplikasi sistem pembayaran tanpa tunai juga mampu menarik lebih ramai pelanggan kerana kadar ceklik teknologi mereka semakin bertambah, menyenangkan mereka membuat pembayaran.

Justeru, bagi merealisasikan pembaharuan ini, pemegang taruh perbankan dalam talian perlu memainkan peranan mengajak dan memberi kefaaman kepada semua peniaga kecil menggunakan sistem pembayaran tanpa tunai.

Tiada kos besar untuk menggunakan teknologi ini, sebaliknya hanya memerlukan kemahiran maklumat betul dan semangat tinggi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat kepentingan pembayaran tanpa tunai ini.

Jika berkunjung ke negara jiran seperti Indonesia dan Thailand, majoriti peniaga kecil mereka menyediakan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai kerana tahap ceklik teknologi maklumat (IT) mereka tinggi.

Mungkin sudah sampai masa, pihak berkuasa tempatan dan kementerian berkaitan mengenakan syarat setiap peniaga kecil perlu menyediakan platform bayaran tanpa tunai sebagai syarat untuk mendapat lesen perniagaan.

Syarat ini mungkin agak radikal, tetapi seiring dengan perubahan zaman, generasi peniaga akan datang pasti bersifat terbuka kerana mereka sudah menguasai IT dan sistem elektronik pembayaran tanpa tunai pada hari ini.

Masyarakat kita perlu membuat persediaan untuk menghadapi perubahan dalam industri dari Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) kepada Masyarakat 5.0 (Society 5.0).